

## KISAH CINTA ABADI HABIBIE & AINUN

Oleh: Mohammad Akmal bin Mohamad Adli, 1171239,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 23 Ogos 2020*



*BJ Habibie bersama isteri tercintanya, Ainun dalam satu majlis.*

“Tidak perlu seseorang yang sempurna, cukup temukan orang yang selalu membuatmu bahagia dan membuatmu berarti lebih dari siapapun.”

Itu merupakan antara kata-kata BJ Habibie yang menarik minat saya untuk mengetahui tentang perjuangan dan kisah beliau dengan lebih mendalam.

Prof. Dr. Ing. H. Bacharuddin Jusuf Habibie atau lebih dikenali sebagai BJ Habibie, merupakan Presiden Republik Indonesia yang ketiga.

Beliau terkenal dengan kebijaksanaan dan kebaikan hati budi, sehingga menjadikan beliau tokoh yang agung dan dihormati di Indonesia.

Apa yang menarik minat saya untuk berkongsi kisah seorang tokoh Indonesia ini adalah bukan mengenai gaya kepimpinannya mentadbir Indonesia tetapi tentang kisah cinta beliau yang menambat hati.

Sama seperti perjalanan cinta pasangan lain, BJ Habibie dan Ainun mempunyai kisah tersendiri yang hingga saat ini memberi banyak pembelajaran dan pengajaran untuk kita semua.

Kisah cinta mereka yang abadi banyak memberi inspirasi tentang erti kasih sayang dan saling menghargai antara satu sama lain.

Perkenalan mereka bermula dari sekolah menengah apabila Habibie dan Ainun berada di institusi pembelajaran yang sama.

Namun, setelah habis belajar Habibie memutuskan untuk menyambung pelajarannya ke Jerman dalam bidang penerbangan, sementara Ainun melanjutkan pengajiannya di Universitas Indonesia (UI).

Semasa belajar, BJ Habibie terkenal dengan gelaran 'Mr. Crack' kerana kepakarannya dalam mengesan masalah kapal terbang.

Setelah beberapa tahun di Jerman, BJ Habibie memutuskan untuk pulang ke tanah air bagi memenuhi permintaan Suharto supaya dapat memanfaatkan ilmu yang dipelajarinya untuk negara sendiri.

BJ Habibie bertemu kembali dengan Ainun dan pada 12 Mei 1962, mereka bernikah di Ranga, Malela, Kota Bandung.


Kedua-dua pasangan ini mempunyai kesetiaan yang tinggi. Ainun juga merupakan antara penyokong setia dan tulang belakang BJ Habibie ketika suaminya menjadi Presiden Republik Indonesia.

Sama seperti rumah tangga lain, perjalanan cinta Habibie dan Ainun tidak selamanya indah. Kisah cinta mereka diuji apabila Ainun didapati menghidapi kanser ovari pada tahun 2010 dan beliau menerima rawatan lanjutan di Jerman.

Kuasa tuhan mengatasi segala percaturan makhluk-Nya. Akhirnya, Ainun meninggalkan BJ Habibie buat selama-lamanya pada 22 Mei 2010 di Klinikum Großhadern, Munich, Jerman.

Pemergian Ainun membuatkan BJ Habibie hilang arah. Semasa ditemu ramah dalam wawancara Kompas TV, beliau sendiri menyatakan bahawa hampir gila saat ditinggalkan Ainun kerana sukar untuk melupakan kesedihan yang dialami.

Oleh sebab itu, doktor menasihatkan BJ Habibie untuk menulis bagi meluahkan perasaannya. Maka dengan itu terhasil sebuah buku bertajuk ‘Habibie & Ainun’ yang ditulisnya sendiri.



*Buku hasil penulisan BJ Habibie selepas kematian Ainun yang mengisahkan tentang mereka berdua. Sumber: goodreaads.com*

“Saya yakin Ainun selalu dengan saya, setiap saat saya tidak berasa sendiri, di kubur Ainun ini setiap minggu satu kali saya datang”, luahnya ketika ditemu ramah oleh Fimela Media.

Setiap minggu beliau akan ke kubur isterinya dan menukar bunga yang disukai oleh Ainun ketika isterinya itu masih hidup. Begitulah mendalamnya cinta BJ Habibie terhadap Ainun.

Pada 11 September 2019 BJ Habibie pula pergi bertemu sang pencipta. Kisah cinta mereka ini turut diabadikan dalam beberapa filem di Indonesia seperti *Habibie dan Ainun* (2012), *Rudy Habibie* (2016) serta *Habibie dan Ainun 3* (2019).